

HEBAHAN : KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM/AKTIVITI PROMOSI UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU) TAHUN 2019

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) sedang menjalankan **Kajian Keberkesanan Program/Aktiviti Promosi Tahun 2019** yang bertujuan untuk mengukur tahap keberkesanan program/aktiviti promosi yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kesedaran orang ramai terhadap inisiatif-inisiatif Kerajaan. Selain itu, pengumpulan maklumat ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang saluran dan kandungan promosi yang boleh digunakan untuk memantapkan pelaksanaan program promosi pada masa hadapan. **Tempoh pelaksanaan kajian ini adalah pada 18 hingga 31 Disember 2019.**

3. Sehubungan dengan itu, sukacita mendapat kerjasama YBhg. Dato' Dr./ YBhg Dato'/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan untuk terlibat dalam kajian ini serta turut mengedarkan pemakluman soal selidik ini kepada warga Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing. Soal selidik ini dilaksanakan secara dalam talian dan boleh dicapai melalui laman sesawang MAMPU (www.mampu.gov.my) dan laman Facebook MAMPU (<https://www.facebook.com/mampujpm>). Selain itu, kajian ini juga boleh dicapai melalui kod QR dan URL berikut:



https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdd2MZulLKBL-fKPAaQU4yzlYU68kR2Nbd87DY7HDmrIfxPWg/viewform?usp=sf_link